Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

BERITA HARIAN, SABTU, 17 JULAI, 1982

No. Siri 2906
No. Penerimaan 651/85

Setahun pimpinan Mahathir

Mahathir: Kenapa kita pilih dasar dua hala

● DATUK SERI DR. MAHATHIR

S: DATUK, bolehkah kita beralih ke dasar luar negeri sebelum kita menghadapi politik dalam negeri. Mula-mula, soal umum. Adakah Datuk berasa puas hati, sesudah setahun mengemudi negara, bahawa Malaysia betul haluannya dalam hal dasar luar. Adakah rancangan linkungan yang Datuk taja itu masih wujud, pertama soal Asean, kemudian negara-negara Islam dan seterusnya. Jadi, bagaimanakah perasaan Datuk pada amnya tentang hala dasar luar kita?

J: Saya pikir, pada umumnya, dasar luar yang kita telah laksanakan ialah baik untuk kita kerana ia sebuah dasar yang jauh lebih positif, selain dari menetapkan sistem-sistem keutamaan di Malaysia, kita, pada masa ini, lebih menitik-beratkan perhubungan dua hala kerana itu kita berusaha mengadakan hubungan dengan Mali umpamanya, serta negara-negara Pasifik Selatan. Kita dapati hubungan dua hala ini membolehkan kita mengenali mereka lebih mendalam lagi, mengetahui masalah mereka dan bagaimana kita boleh berkerjasama dengan mereka. Dalam pada itu hubungan berbagai hala tidak pernah menghasilkan persefahaman yang mendalam dan muhibah. Dari itu, saya rasa kita telah mencipta satu dasar luar yang mendatangkan hasil.

S: Bolehkah jika dikatakan bahawa, di bawah pimpinan Datuk, dasar luar kita telah berubah, dalam ertikata penekanan kearah hubungan yang sejati, seperti berdagang atau melabur kearah benda sejati dalam soal hubungan, selain dari berdasarkan konsep, kepentingan atau lingkungan pengaruh, serta penarikan kepada blok-blok, gerakan dan lain-lain (benda-simbolik).

J: Kita tidak lupa betapa perlunya memeluk beberapa ideal tertentu, ideal se dunia, seperti konsep berkecuali dan sebagainya, dan serentak dengan ini, kita sedar bahawa kita mesti mengerjakan titik bengik rancangan, dan ini mendatangkan hasil yang agak positiv sedikit.

S: Perhubungan kita dengan British dewasa ini.

J: Bersopan santun, sebagaimana patut antara negara yang berdaulat.

S: Ada juga pegawai-pegawai British yang mengatakan pegawai-pegawai JPM menolak terus permohonan mereka tanpa ditimbangkan terlebih dahulu.

J: Itu tak benar. Saya tahu sendiri, pasal saya tengok senarai barang-barang kita beli daripada Britain dan barang-barang itu masih banyak kita beli. Yang mana harganya murah, baik mutunya, ikut kita punya specification, kita masih beli dari Britain.

S: Ada orang kata, Datuk suka melonggokkan negeri seperti Australia, Canada, New Zealand dalam kelumpuk yang sama seperti British, kerana Datuk mensifatkan ia sebahagian daripada Empayar British. Adakah ini benar?

J: Tidak, tak betul rasa saya. Mengikut fikiran saya, perhubungan kita dengan negara lain itu terbit dari pengalaman kita dengan negara-negara itu. Ianya bukan berasaskan pengalaman kita dengan British.

S: Datuk, berapa banyakkah faedah yang didapat setakat ini hasil hubungan dengan Amerika?

J: Saya ingat perhubungan kita dengan Amerika barangkali yang buruk sekali antara apa yang dikatakan negara barat, khasnya pasal bijih timah, pelepasan simpanan GSA, harga bijih yang merosot, keengganan menimbang akibat pelepasan bijih itu atas ekonomi kita, dan seterusnya atas sebahagian ekonomi kita yang tertentu, dan selanjutnya mungkin atas keselamatan negara kita oleh kerana sektor yang terjejas itu boleh jadi sektor terutama Cina, dan ini mungkin menimbulkan masalah.

S: Bagaimanakah kita boleh bertukar fikiran? Adakah kita sudah cuba berhubung langsung secara lebih berkesan dengan Amerika, memberitahu mereka tentang akibat perbuatan mereka yang sebenarnya, yang mana bertentangan dengan apa yang dikatakan kepentingan mereka terhadap kita.

J: Pendapat saya, orang persaorangan Amerika sangat bersimpati. Saya telah bertemu beberapa orang dari mereka. Ada di antaranya yang mendakwa dapat berhubung langsung dengan pihak berkuasa di Washington, tetapi saya belum melihat hasilnya, dan persaan saya ialah di Washington, sikap kurang timbang rasa atau tak ambil tahu tentang Malaysia bukan kepalang lagi. Untuk beberapa pegawai, rasa saya, mungkin Malaysia tidak pernah wujud. Itulah perasaan yang saya alami. Mungkin saya salah sangka.

S: Tidakkah ini kesilapan pegawai-pegawai kita di Washington?

J: Saya fikir pegawai-pegawai kita tu terutama kita punya Ambassador, kalau kita nak lari daripada dia nampaknya tak boleh, pasal dia berjumpa dengan semua orang dan dia bercakap sepanjang masa, jadi kalau orang tak tahu kerana dia tak cakap, saya tak boleh percayalah.

S: Datuk menyatakan bahawa Malaysia tidak akan membekalkan senjata kepada sebarang puak di Kampuchea, akan tetapi beberapa kenyataan juga telah dibuat berulang-ulang kali bagi pihak Malaysia mengatakan puak bukan komunis patut diberi bantuan...... Bukankah ini bertentangan? Bolehkah Datuk terangkan dasar kita sebenarnya?

J: Kita tidak akan membekalkan senjata kepada mereka dan dalam pada itu kita juga tidak akan menghalang orang lain yang mahu memberi senjata — itu mereka punya hal.

S: Perhubungan kita dengan Filipina — dewasa ini Datuk, mereka mendesak supaya diadakan sidang puncak Asean yang kurang kita setujui. Mereka belum membatalkan tuntutan terhadap Sabah dengan cara muktamat sebagaimana yang dikehendaki oleh Malaysia, dan yang pernah mereka janjikan kepada negara-negara Asean lainnya. Filipina juga kadangkala masih menuduh Malaysia melatih pemberontak Moro, jadi masih terdapat perselisihan faham dengan Filipina yang pada umumnya tidak dilahirkan dengan kata-kata tertentu.

J: Saya raya tidak ada perselisihan, tetapi memang terdapat perbezaan pendapat atas beberapa hal tertentu, terutama mengenai sidang puncak. Kita menganggap sidang itu tidak begitu mustahak atau penting, kerana kita mahu sidang yang mencapai hasilnya. Sidang kemuncak yang hanya jadi tempat pertemuan atau menjadi majlis sosial, saya rasa tidak akan memberi faedah.

S: Datuk, laporan media asing mengatakan kita yang bertanggung jawab menempatkan pasukan bersenjata di sebuah pulau Indonesia yang kononnya menjadi rebutan. Datuk, sebagai Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, benarkah begitu?

J: Tetapi, pada fikiran saya, memang terdapat pertentangan pendapat mengenai pulau ini khasnya, jadi hal ini tengah di selesaikan dalam semangat persaudaraan Asean.

S: Sudah berapa lamakah perselisihan ini?

J: Sebagaimana yang anda tahu, kita sudah menghebahkan sempadan-sempadan kita beberapa lama dahulu dan meminta jiran-jiran kita memberi pendapat mereka bagi merundingkan soal sempadan itu, inilah pertikaian terhadap tuntutan kita.

S: Benarkah orang-orang bersenjata berada di pulau itu, seperti yang didakwa oleh Admiral Sudomo semalam.

J: Tak ada, tetapi mungkin sebuah bot peronda mendaratkan orang di situ untuk meninjau sebentar, sebelum naik semula ke bot mereka.

S: Persidangan negara-negara berkecuali nanti, apakah Dr. sendiri akan menghadirinya?

J: Saya belum buat keputusan.

S: Bagaimana pandangan Datuk dalam hal ini?

J: Kita memberi negara berkecuali sebagai priority ketiga. Third Priority dalam perhubungan kita. Kita anggap negara berkecuali ini adalah satu kumpulan yang penting dalam perkembangan politik dunia dan kita akan kekalkan penglibatan kita dengan kumpulan ini kerana ia mempunyai unsur-unsur yang mungkin berguna kepada kita dalam keadaan kecemasan umpamanya. Sekarang ini kita tak ada konfrantasi jadi kita mungkin berpendapat bahawa kita tidak perlu kawan lagi, tetapi ada satu ketika kita menghadapi konfrantasi dan pada ketika itu kita cari kawan. Kita tak bolehlah. Sekarang kita sudah tak ada problem kita sudah lupa kawan. Kita akan kekal perhubungan kita dengan negara-negara berkecuali.

S: Mungkin salah satu peristiwa paling penting dalam tahun pertama Datuk memegang teraju negara ini ialah kemenangan besar (Barisan Nasional) dalam pilihanraya. Adakah unsur-unsur kemenangan itu yang Datuk kesali, dan aspek-aspek manakah yang Datuk amat puas hati?

J: Saya tak mungkin kesali kemenangan. Saya gembira saya tidak kesali sesiapa (dalam BN) menang. Bagus mereka menang.

S: Berbanding dengan yang diharapkan, keputusan di Sabah dan Sarawak agak mengecewakan.

J: Tentang itu tentu saya tak gembira. Saya kata tadi bila menang. Di mana-mana kita menang, saya gembira. Di mana-mana kita tidak menang, saya tidak gembira.

S: Tapi bagaimana dengan masalah di Sabah, masalah antara berjaya dengan USNO. Berjaya terang-terang menyokong calon-calon Bebas.

J: Itu amat dikesali. Sebagaimana saudara-saudari tahu, saya sudah beri arahan jangan sokong calon Bebas, tapi saaya dengar ini tidak dipatuhi, itu amat dikesali.

S: Sabah dan Sarawak, Sabah istimewanya, dari dulu mengaku cukup baik dengan Datuk. Bagaimana sekarang? Masihkah cukup baik hubungannya dengan Datuk? pada hal permintaan Datuk tidak dipenuhinya?

J: Saya rasa hubungan itu masih baik. Saya tak nampak ada bersinggit hati. Tapi mereka tahu perasaan saya tentang calon-calon Bebas itu.

S: Oleh kerana nampaknya tidak ada banyak yang Kerajaan Persekutuan boleh buat terhadap Berjaya, ada cakap-cakap mungkin ada ura-ura daripada Pusat untuk menghapuskan Usno daripada terus hidup.

J: Kita tak ada ura-ura nak hapuskan Usno.

S: Maksud saya, biarkan dia mati sendiri, kemudian adakan satu pembangkang baru.

J: Itu bukan kerja kita, untuk mengadakan pembangkang bagus.

S: Memikirkan tentang keadaan di Sabah, dan cara, Berjaya bertindak, tak adakah yang kita boleh buat untuk mempengaruhi mereka supaya jangan melampau untuk mendapat undi?

J: Kita dah beritahu mereka apa yang perlu diberi tahu.

S: Sudahkah UMNO pulih dari kekecewaan setengah ahli dan penyokong mereka kerana tidak dicalonkan, atau dicalonkan dan menang pilihanraya tapi tidak diberi jawatan.

J: Saya rasa umumnya sudah pulih. Saya tak tahulah, kalau-kalau ada kumpulan-kumpulan yang masih tak puas hati, tapi setakat yang saya tahu tidaklah sebegitu ketara. Tak ada protes, demonstrasi.....

S: Macam di Batu Pahat dengan masaalah Datuk Jalal, nampak gaya ada gerakan protes. Adakah ini serius atau tidak?

J: Ini kita belum buat penilaian, tetapi kita harus ingat, dalam UMNO, kita tidak menang kerana diri kita saja. Kita menang kerana UMNO. Dan UMNO menang kerana UMNO merupakan satu parti nasional, bukan parti tempatan. Kalau mana-mana Kumpulan dalam UMNO menganggap UMNO ini sebagai satu parti tempatan, akhirnya dia pun gagal.

S: Pemilihan calun-calun dalam pilihanraya yang lepas tidak mengambil kira soal Ketua Bahagian UMNO. Jadi di sini seolah-olah hilang satu dorongan kepada Ketua-ketua Bahagian yang bekerja untuk parti. Apabila datang pilihanraya, UMNO bergantung kepada ahli-ahli saja. Tidakkah ini akan menimbulkan satu kekecohan di dalam Bahagian UMNO?

J: Kita mengambil berat tentang Ketua Bahagian bukan kita membelakangkan Ketua Bahagian. Tetapi dalam pemilihan calon, bukan saja faktor Ketua Bahagian itu menjadi faktor yang mengatasi semua faktor-faktor yang lain. Ada faktor-faktor yang lain perlu kita timbang, dan kalau kita berpendapat bahawa di satu-satu tempat tidak ada, maka terpaksa kita letak orang yang bukan Ketua Bahagian. Jadi tak kenalah kalau kita di kata membelakangkan Ketua Bahagian.

S: Macam di Kuala Kangsar, misalnya, Datin Paduka Rafidah Aziz tidak pernah bekerja untuk UMNO Kuala Kangsar. Tiba-tiba dibelakangkan orang yang bahagian KK calonkan, dan bubuh beliau.

J: Perkara yang semacam ini kadang-kadang kita buatjuga. Macam saya sendiri diletak sebagai calon di Kubang Pasu, di waktu saya bukan pun menjadi ahli UMNO Kubang Pasu. Tapi Kubang Pasu terima saya kerana ada kepentingan yang lebih luas lagi daripada Kubang Pasu saja. Kalau kita cuma utamakan orang tempatan dalam semua kes, kemungkinan kita tidak dapat letakkan orang-orang yang tinggal di bandar-bandar seperti mana kita tahu, kebanyakannya di Malaysia ini di bandar-bandar calon UMNO tak mungkin menang.

S: Apa jadi dengan satu peraturan baru yang diluluskan oleh Majlis tertinggi dan Perhimpunan Agung, bahawa seseorang calon itu, sebelum menjadi calon di satu bahagian, mesti menjadi ahli selama 5 tahun, baru dia boleh jadi calon di kawasan tersebut. Dalam pilihanraya yang lalu dibanyak kawasan tidak berlaku perkara ini. Banyak berlaku, calon dari luar masuk.

J: Ini bukan keputusan Majlis Tertinggi tetapi keputusan Perhimpunan Agung, iaitu dia mesti menjadi ahli UMNO selama 5 tahun sebelum dia dicalonkan. Tidak disebut ahli di mana. Tidak disebut sama sekali. Dia mungkin jadi ahli di Johor tetapi dia nak bertanding di Kubang Pasu pun boleh. Asalkan dia jadi ahli yang kita tak benarkan, orang yang baru masuk jadi ahli pada hari ini, esok dia nak bertanding.

S: Saya ingat soal Bahagian pun termasuk.

J: Tidak timbul. Bahagian Kuala Kangsar memang menyebut tentang perletakan calon bukan daripada Bahagian. Tetapi resolusi yang dibuat di dalam calon bukan daripada Bahagian. Tetapi resolusi yang dibuat di dalam Perhimpunan Agung, cuma keahliannya mestilah lebih dari 5 tahun. Ini adalah satu syarat yang amat ketat, kerana kalau satu orang menjadi ahli UMNO tahun depan, dia tak boleh bertanding sehingga 9 tahun, melainkan kalau ada pilihanraya kecil, kerana bila sampai waktu pilihanraya akan datang, dia baru 4 tahun.